

Newspaper

Berita Harian

Date

19 March 2016

Konsep sewa beli fleksibel Maju KL wajar dicontohi: PM

» **Projek perumahan RM2.5b mampu dimiliki golongan bergaji sederhana**

Oleh Haika Khazi
mfaizul@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Langkah inovatif Kumpulan Maju Holdings Sdn Bhd (Kumpulan Maju) memperkenalkan Skim Sewa Beli Maju (SSBM) di projek perumahan bercampur di Maju Kuala Lumpur (Maju KL) di sini, patut dicontohi pemaju perumahan swasta lain, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri, berkata projek bernilai RM2.5 bilion yang dibangunkan anak syarikat Kumpulan Maju, ASM Development (KL) Sdn Bhd dapat membantu golongan berpendapatan sederhana atau M40 terutama profesional muda bergaji RM5,000 sebulan memiliki rumah idaman masing-masing.

Katanya, langkah berkenaan penting kerana antara keperluan utama golongan M40 atau profesional muda selepas menamatkan pengajian di uni-

versiti dan memulakan kerja sebagai peguam, arkitek, jurutera atau doktor muda adalah memiliki rumah sendiri yang mampu dimiliki.

Penuhi impian

“Justeru, apa yang dilakukan oleh Kumpulan Maju ini mampu memenuhi impian golongan yang berada di bawah kategori M40 berpendapatan minimum RM5,000 untuk memiliki pangsapuri di Maju KL.

“Saya melihat apa yang inovatif dalam projek Maju KL ini, syarikat pemaju perumahan berkenaan memperkenalkan konsep sewa beli yang fleksibel kepada pembeli sekali gus membantu golongan profesional muda memiliki rumah yang sesuai dengan kedudukan sosio-ekonomi mereka,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran projek Maju KL di Bandar Tasik Selatan di sini, semalam.

Yang turut hadir, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz serta Pengarah Kumpulan Maju, Mohd Faiq Abu Sahid.

Najib berkata, sebelum ini kerajaan menyasarkan untuk membina lebih sejuta rumah mampu milik bagi memenuhi keperluan rakyat di negara ini

“**Apa yang dilakukan oleh Kumpulan Maju ini mampu memenuhi impian golongan yang berada di bawah kategori M40 berpendapatan minimum RM5,000 untuk memiliki pangsapuri di Maju KL**”

Najib Razak,
Perdana Menteri

terutama golongan berpendapatan rendah atau B40 dalam tempoh lima tahun akan datang.

Beliau berkata, sebahagian besar rumah mampu milik berkenaan atau 500,000 unit akan dibangunkan menerusi Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA); 150,000 unit menerusi Program Perumahan Awam 1Malaysia, manakala selebihnya akan dibangunkan dengan kerjasama kerajaan negeri.

Sementara itu, Mohd Faiq berkata, Maju KL dijangka siap dalam masa tiga setengah tahun itu, akan dilengkapi podium komersial setinggi sembilan tingkat dengan anggaran kasar keluasan lantai lebih dua juta kaki persegi merangkumi ruang runcit, komersial

dan santai.

Katanya, projek itu menawarkan sejumlah 4,200 unit pangsapuri tiga bilik di tujuh menara kediaman setinggi 29 tingkat.

Beliau berkata, kawasan perumahan berkenaan mempunyai akses terus ke lebuh raya utama iaitu Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban di barat dan Lebuhraya Besraya di timur, selain mendapat manfaat daripada sebuah persimpangan bertingkat trafik yang dipertingkatkan.

Sambung Laluan 2 MRT

Mohd Faiq berkata, projek itu akan turut disambungkan dengan Laluan 2 MRT dan stesen kereta api Keretapi Tanah Melayu serta hanya terletak lima minit pemanduan dari Terminal Bersepadu Selatan yang disambungkan dengan stesen LRT dan Ekspres KLIA.

“Harga jualannya RM590,000 seunit di bawah Skim Sewa Beli Maju, yang juga skim pembelian baharu serba inovatif. Skim ini menawarkan kepada bakal pembeli, terutama golongan muda pertengahan dengan skim pembiayaan mudah serta tempoh fleksibel.

“Ini adalah pendekatan Kumpulan Maju bagi memberi peluang profesional muda bekerja yang terperangkap dalam syarat kelayakan untuk perumahan mampu milik serta mewah,” katanya.

BH-19/3/2016